

# Unjur kuasai 25 peratus pasaran kamera Canon sasar perolehan RM800j

**KUALA LUMPUR** 18 Mac – Canon Marketing Malaysia Sdn. Bhd. (Canon) menyasarkan perolehan syarikat mencecah RM800 juta pada tahun ini, peningkatan sebanyak 20 peratus berbanding pencapaian tahun lalu.

Presiden dan juga Ketua Pegawai Eksekutifnya, Liew Sip Chon berkata, RM300 juta daripada perolehan tersebut diperolehi daripada jualan produk kameranya.

Menurut beliau, produk kamera menyumbang sebanyak 35 peratus kepada perolehan syarikat manakala selebihnya melalui produk-produk lain.

“Penguasaan pasaran bagi produk kamera kami pada waktu ini adalah 21 peratus dan berharap meningkat kepada 25 peratus dalam tempoh beberapa bulan akan datang.

“Menjelang akhir tahun ini, kami menjangkakan penguasaan pasaran produk kamera kami mampu menjangkau sehingga 30 peratus,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas memperkenalkan tiga produk kamera kompak baru di sini hari ini.

Tiga kamera kompak tersebut adalah dari jenis model Ixus 105, Ixus 130 dan Ixus 210.

Ketiga-tiga model baru yang moden dan ranggi tersebut ditawarkan untuk mereka yang berusia antara 15 hingga 35 tahun.

Hadir pada majlis tersebut adalah duta produk kamera Ixus, kumpulan Fahrenheit yang diterbangkan khas dari Taiwan.

Ketika ditanya sasaran jualan ketiga-tiga model baru berkenaan, Sip Chon berkata, pihaknya menyasarkan untuk menjual 10,000 unit kamera termasuk empat model kamera baru yang dilancarkan tahun lalu.

Dalam perkembangan lain, Sip Chon berkata, Canon memperuntukkan kira-kira RM3 juta untuk kedai berkonsep iaitu SOHO KL yang akan menjadi tempat tumpuan baru di

Lembah Klang.

Katanya, kedai tersebut akan dilancarkan Sabtu ini.


“Kami menawarkan sebuah SOHO KL di Lembah Klang iaitu di kompleks membeli-belah Tropicana dengan kumpulan Fahrenheit membuat persembahan,” ujarnya.

Jelas Sip Chon, SOHO KL merupakan kedai konsep yang menawarkan pelbagai barangan Canon selain menjadi pusat hiburan di bawah Kelab Selebriti yang ditubuhkan melalui C3 Entertainment.

“Penguasaan pasaran bagi produk kamera kami pada waktu ini adalah 21 peratus dan berharap meningkat kepada 25 peratus dalam tempoh beberapa bulan akan datang

## - LIEW SIP CHON

Presiden dan juga Ketua Pegawai Eksekutif  
Canon Marketing Malaysia Sdn. Bhd.



**MODEL Canon IXUS 105** antara tiga model kamera kompak ranggi dan menawan yang dilancarkan awal tahun ini dijangka mendapat perhatian golongan muda sepanjang tahun ini.